

Agama tidak diabaikan: PM

ALOR STAR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju bukan bermakna menekankan kepada peningkatan di segi pendapatan semata-mata, tetapi merangkumi keperluan dunia dan akhirat.

Beliau berkata, negara maju yang diidamkan oleh Malaysia ialah yang menjamin kebahagiaan kepada kehidupan penduduk, menjadikan mereka terpelajar, berilmu, cukup pendapatan, mempunyai nilai hidup mulia dan beragama.

Katanya, rakyat perlu mengambil iktibar bagaimana

negara Barat yang dikatakan maju tetapi tidak lagi bermoral.

"Mereka (Barat) asyik dengan keseronokan semata-mata sehingga mala petaka menimpa mereka," katanya ketika berucap di Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH) di sini, hari ini.

Sultan dan Sultanah Kedah berkenan berangkat ke majlis itu. Turut hadir ialah Raja Muda dan Raja Puan Muda; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Paduka Haji Abdullah Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haji Saad

Endut.

Perdana Menteri menegaskan, banyak negara kaya di dunia ini, tetapi hakikatnya tidak maju manakala negara yang maju pula banyak keburukannya.

Sehubungan itu, katanya, imbalan di antara kehendak dunia dan akhirat adalah penting bagi mencapai taraf sebagai sebuah negara maju.

Selain itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan mahukan rakyat mengubah cara hidup dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, sesuai dengan masyarakat industri.

"Itulah sebabnya kerajaan memperkenalkan mata pela-

jaran baru di sekolah, iaitu Kemahiran Hidup," katanya.

Menurutnya, oleh kerana mata pelajaran itu baru diperkenalkan, kandungan dan penyampaiannya masih ada beberapa kelemahan. Oleh itu, semua pihak, termasuk guru harus membantu mengatasi kelemahan itu.

Perdana Menteri juga mengingatkan pelajar supaya menanam nilai murni, seperti mengawal diri, rajin, amanah dan sentiasa bersedia menepuh cabaran.

Di majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir sempat menyingkap kembali kenangan ketika menuntut di KSAH pada 1932 hingga 1946.